



## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

**Ministry of Agriculture and Food Industries**

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62624 PUTRAJAYA,  
MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

### KENYATAAN MEDIA

### LARANGAN EKSPORT AYAM DAN PRODUK AYAM KE LUAR NEGARA

1. Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 23 Mei 2022, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah menghentikan eksport ayam yang meliputi ayam hidup, karkas ayam bulat, keratan daging ayam dan produk makanan berasaskan ayam bermula 1 Jun 2022 bagi memastikan pengeluaran bekalan ayam yang berterusan supaya sekuriti makanan di Malaysia kekal terjamin.
2. Kawalan secara fizikal di semua pintu keluar dilaksanakan oleh pegawai penguatkuasa MAQIS bagi menguatkuasakan keputusan Kerajaan.
3. Walau bagaimanapun, setelah mengadakan beberapa siri perbincangan yang terperinci dengan pemain-pemain industri dan persatuan penternak berhubung dengan perkara ini, Kerajaan telah membuat keputusan supaya **kebenaran khas diberikan hanya** untuk mengeksport komoditi berikut:
  - (a) Ayam daging berwarna termasuk ayam kampung dan ayam hitam sahaja;
  - (b) Semua produk berasaskan ayam; dan
  - (c) *Day Old Chick (DOC) Parent Stock* sahaja.
4. Kerajaan menegaskan bahawa larangan eksport untuk ayam pedaging (*commercial broiler*), ayam bulat, keratan ayam dan anak ayam *Day Old Chick (DOC)* umur sehari ayam pedaging masih **kekal berkuatkuasa**. Kawalan secara fizikal di semua pintu keluar akan terus dilaksanakan oleh pegawai penguatkuasa MAQIS dan sebarang aktiviti untuk mengeksport komoditi berkenaan tidak dibenarkan. Konsainan eksport komoditi tersebut perlu diuruskan sewajarnya oleh pemilik permit.
5. Kerajaan memandang serius sekiranya terdapat sebarang penyalahgunaan terhadap kebenaran khas ini dan sekiranya terdapat perlanggaran, tindakan di bawah subseksyen 11(2) dan 11(3), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan 2011 [Akta 728] boleh diambil jika sabit kesalahan, denda boleh dikenakan tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya. Manakala bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM150,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 7 tahun atau kedua-duanya.
6. Kerajaan akan terus memantau keadaan keadaan bekalan ayam dalam negara yang semakin beransur pulih dan dijangka akan kembali stabil bermula Jun 2022. Sebarang pertanyaan atau maklumbalas mengenai larangan eksport komoditi ayam, boleh dikemukakan melalui email kepada [feedback@maqis.gov.my](mailto:feedback@maqis.gov.my)

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**15 JUN 2022**